

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

SAP400 - Seminar Teori Sosial

Masa: (2 jam)

Jawab DUA soalan sahaja.

1. Ramai ahli teori menganggap bahawa isu pokok dalam teori sosial ialah soal hubungan di antara struktur dan tindakan. Apakah sebab-sebab di sebalik pandangan ini? Adakah konsep struktur bersifat dwitunggal ("duality of structure") yang dimajukan oleh Giddens mengatasi masalah ini? Berikan satu contoh konkret dalam huraian anda.

(50 markah)

2. Ahli-ahli antropologi dan sosiologi telah dikritik tidak memberi perhatian yang wajar kepada soal reroang dan masa kerana mereka menganggap reroang dan masa hanya sebagai perantaraan ("medium") sahaja. Bagaimanakah boleh mereka mengambil kira reroang dan masa bukan hanya sebagai perantaraan tetapi sebagai unsur-unsur yang membentuk corak perhubungan sosial? Adakah ini perlu dilakukan memandangkan tumpuan utama bidang antropologi dan sosiologi ialah struktur dan kelakuan sosial? Rujuk kepada contoh-contoh yang relevan di dalam perbincangan anda.

(50 markah)

3. Sosiologi dikatakan sering melakukan kesilapan "conflation" apabila membincangkan soal budaya dan tindakan. Melalui contoh-contoh yang relevan, terangkan maksud "conflation" dalam berbagai bentuknya dan nyatakan mengapa ia dikatakan satu kesilapan. Bagaimanakah boleh kita cuba mengelakkan "conflation" ini? Berikan contoh yang relevan.

(50 markah)

4. Lockwood telah mencadangkan bahawa integrasi sistem harus dibezakan daripada integrasi sosial sementara Archer mendakwa bahawa interaksi sosio-budaya mesti diasingkan secara analitis daripada sistem budaya. Apakah makna konsep-konsep ini? Bolehkah dua perspektif ini disatukan supaya budaya, struktur dan tindakan dianalisis bersama? Rujuk kepada satu contoh yang dianggap menggambarkan jawapan anda.

(50 markah)